

Urus sisa sampah domestik

KDEBWM sedia 56 lori kompaktor di kawasan pentadbiran MBSA

ASYRAF MUHAMMAD

SHAH ALAM

KDEB Waste Management Sdn Bhd (KDEBWM) menyediakan sebanyak 56 lori kompaktor berteknologi tinggi bagi menjalankan kerja-kerja pengurusan sisa sampah domestik di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) bermula 1 Januari ini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru Selangor, Ng Sze Han berkata, sebelum ini, pengurusan sisa domestik di Shah Alam diuruskan oleh syarikat kontraktor individu dan telah menimbulkan beberapa isu antaranya

lori uzur, bau busuk dan sebagainya.

Beliau berkata, melalui pengambilalihan oleh KDEBWM tersebut, pihaknya yakin pengurusan sampah di kawasan bandar raya Shah Alam dan negeri Selangor akan lebih teratur serta berada dalam keadaan bersih.

"Menerusi pengambilalihan ini, KDEBWM bukan hanya menguruskan sampah domestik untuk MBSA namun turut melibatkan seluruh 12 pihak berkuasa tempatan di Selangor," katanya pada sidang media Majlis Penyerahan Lori Kompaktor KDEBWM yang berlangsung di Dataran Kemerdekaan Shah Alam semalam.

Hadir sama, Timbalan Datuk Bandar Shah Alam, Mohd Rashidi Ruslan bersama pengurusan tertinggi KDEBWM.

Sze Han berkata, pergerakan setiap lori-lori kompaktor berkenaan juga akan dipantau melalui penggunaan Vehicle Monitoring System (VMS) secara berpusat di Centralized Command Center (CCC) di ibu pejabat KDEBWM, Shah Alam.

"Malah lori kompaktor ini



Sze Han (tujuh dari kanan) membuat pelepasan lori kompaktor sebagai gimik pelancaran penyerahan tersebut semalam.

turut dilengkapi dengan beberapa kemudahan lain seperti kamera dan Sistem Pengesanan Global (GPS) untuk memudahkan operasi pengurusan sampah domestik selepas ini," katanya.

Sze Han berkata, operasi bagi pengurusan pembersihan awam di kawasan pentadbiran MBSA juga akan diberikan kepada

KDEBWM bermula 1 Julai 2020 akan datang.

Dalam pada itu, Mohd Rashidi berkata, MBSA percaya KDEBWM mampu melaksanakan tugas dengan baik dalam memastikan kutipan sampah domestik di bandar raya Shah Alam dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Beliau berkata, sehingga 19

Disember tahun ini, sebanyak 3,022 aduan kutipan sampah telah diterima dan 1,618 daripadanya melibatkan kutipan sampah domestik.

"Di bawah pengurusan KDEBWM, saya percaya kutipan sampah domestik ini akan dapat diselaraskan dengan lebih baik," katanya.